

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN
(BUKIT BINTANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.03.2015

Y.B. TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sebab Kerajaan masih meneruskan BRIM walaupun terpaksa dibayar secara 3 ansuran dan apakah kebaikannya kepada ekonomi negara.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memperkenalkan BR1M pada 2012 dengan matlamat untuk membantu meringankan beban hidup rakyat berpendapatan rendah. Bantuan ini diberikan secara menyeluruh kepada semua yang layak, tanpa mengira

kaum, agama mahupun latar belakang politik. Had kelayakan pendapatan isi rumah yang pada mulanya ditetapkan dibawah RM3,000, telah ditambah baik pada tahun 2014 dengan menaikkan had kelayakan pendapatan isi rumah kepada RM4,000. Memandangkan BR1M telah banyak membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana terutamanya di kawasan bandar yang menghadapi kesukaran ekoran kos sara hidup yang tinggi, Kerajaan wajar meneruskan bantuan ini.

2. Pada tahun 2015, Kerajaan bersetuju supaya pemberian BR1M disalurkan sebanyak tiga kali setahun kepada penerima kategori isi rumah bagi membolehkan mereka membuat perancangan perbelanjaan dengan lebih baik. Ini juga dapat memastikan agar bantuan BR1M dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya dalam tempoh setahun. Bagi memastikan hanya mereka yang benar-benar layak sahaja menerima bantuan BR1M, Kerajaan telah menjalankan proses verifikasi secara menyeluruh dengan semakan bersama data dari pelbagai agensi.

3. Pecahan pemberian BR1M 2015 mengikut kategori adalah seperti

berikut:

	PENDAPATAN BULANAN	NILAI BR1M 2015	PERINGKAT PEMBAYARAN
ISI RUMAH	RM 3,000 dan ke bawah	RM950	Januari : RM300 Mei : RM300 Sept : RM350
	RM3,001 - RM4,000	RM750	Januari : RM200 Mei : RM200 Sept : RM350
INDIVIDU	RM2,000 dan ke bawah	RM350	Januari : RM350

4. Memandangkan BR1M telah dapat membantu Kerajaan mengenal pasti kumpulan sasaran yang benar-benar memerlukan bantuan kewangan, ini akan memudahkan langkah Kerajaan untuk meneruskan perancangan rasionalisasi subsidi yang secara tidak langsung akan memberi kesan yang positif kepada ekonomi negara.